

05/03/1997

Seni lanskap penyeri pembangunan

DI KEBANYAKAN negara yang pesat membangun, sistem dan struktur pembangunan dilihat begitu kelam kabut dan tidak tersusun. Ratusan bangunan baru dengan pelbagai bentuk didirikan mengubah pemandangan di sesebuah tempat. Kawasan yang dulunya sunyi kini menjadi tumpuan ramai. Kampung sudah menjadi bandar dan kawasan perindustrian didirikan di hampir setiap daerah. Dengan adanya industri, bangunan kedai dan pusat beli-belah dibina. Untuk menampung penambahan orang ramai, projek perumahan disediakan. Semua ini mempercepatkan pertumbuhan di sesebuah kawasan. Di bandar pula, keadaan menjadi kian sesak. Dengan adanya pelbagai projek mega, jalan raya terpaksa dialih. Semua ini terpaksa dihadapi atas nama kemajuan.

Projek pembangunan dilihat di merata tempat sama ada di dalam dan di pinggir bandar. Bangunan lama diroboh dan kawasan bukit ditarah. Dalam tempoh yang singkat bangunan baru didirikan dan mengubah keadaan di sesuatu tempat. Dalam keghairahan memodenkan bandar, membina projek perumahan, menyediakan jalan raya dan sebagainya, pemaju atau syarikat kontraktor jarang memikirkan kesan jangka panjang. Aspek lanskap diabaikan kerana ia mungkin meningkatkan kos. Kita tidak boleh menyalahkan mereka jika ia bukan menjadi syarat wajib.

Mulai sekarang, kita berharap pemaju atau syarikat kontraktor tidak terlalu memikirkan soal kos jika mahu kawasan projek yang mereka majukan itu sesuai untuk didiami, menarik dilihat dan tidak jemu dikunjungi. Jika kena caranya, kita tidak nampak kos yang begitu besar perlu dibelanjakan kerana kerja lanskap lebih menjurus kepada usaha mengindah dan menghijaukan kawasan sekitar.

Kita menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya aspek lanskap diwajibkan dalam setiap projek pembangunan. Jika selama ini ia dipandang ringan oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan, aspek lanskap ini perlulah diberi perhatian yang lebih serius. Kita mahu setiap projek pembangunan yang diluluskan mestilah lengkap dengan aspek lanskapnya sekali. Tanpa aspek ini, tidak ada sebab projek itu perlu diluluskan. Kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan boleh mencari pemaju atau kontraktor lain untuk memajukan kawasan berkenaan. Kita berharap aspek ini bukan saja perlu disyaratkan kepada projek baru, malah bagi projek yang sudah siap dan tidak langsung mempunyai aspek ini, arahan baru hendaklah dikeluarkan agar kerja lanskap dilakukan. Pada kita idea mengindahkan sesuatu kawasan adalah idaman setiap orang. Kita tidak mahu tinggal di kota batu yang indah tetapi gersang.

Kita berharap dengan adanya Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara, akan dapat meningkatkan lagi kesedaran setiap pihak untuk menjadikan negara ini sebagai tempat paling menarik. Setiap pihak perlu sedar bahawa cuaca di Malaysia yang terletak di garisan khatulistiwa, agak berbahang. Suhu kepanasan akan meningkat jika kita hanya pandai menebang-tebas hutan dan menarah bukit sedangkan tidak melakukan sesuatu untuk memulihkan keadaan. Menerusi kempen menanam pokok dan meningkatkan usaha menggalakkan setiap pihak menyediakan aspek lanskap, kita yakin akan menikmati kesejahteraan. Kita bukan saja dapat hidup di sebuah negara yang moden di segi pembangunannya, malah tenteram di segi suasana sekelilingnya.

Di kebanyakan tempat di negara ini, malah di sepanjang lebuh raya di negara ini, kita tidak nafikan usaha mengawal alam ini memang diberi

perhatian serius. Namun, kita tidak boleh terus membisu daripada mengingatkan perkara ini dari semasa ke semasa kerana ia hanya akan menyebabkan kita leka. Dengan meletakkan syarat wajib terhadap aspek lanskap ini, ia akan menjadi sebahagian daripada ciri-ciri pembangunan hingga bila-bila.

Di Malaysia, masih banyak ruang untuk dimaju dan dibangunkan. Oleh itu, peluang untuk sama-sama mencorakkan keindahan negara ini, boleh dimainkan oleh setiap rakyat. Semuanya bermula di rumah. Jika setiap kita menghargai keindahan, kita perlulah hijaukan rumah kita dengan tanam-tanaman segar. Di kampung, setiap penduduknya perlu menjaga kebersihan kampung masing-masing. Jika di kawasan perumahan, setiap penduduknya harus mengambil berat soal mencantikkan kawasan perumahan masing-masing. Jika bandar pula, kita harus bersama-sama memastikan kawasan sekitarnya bersih. Walaupun keadaan yang menyegarkan ini penting untuk menarik perhatian pelancong, namun kita berpendapat ia adalah untuk keselesaan bersama.

(END)